

**SIARAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA**

**CELCOM TERUSKAN MOMENTUM DALAM MENCATAT REKOD STABIL
BAGI SUKU TAHUN KETIGA**

- *Peningkatan hasil perkhidmatan kepada RM1.524 billion (1.9%), jumlah keseluruhan hasil sebanyak RM1.655 billion (2.1%) pada asas suku tahunan (QoQ)*
- *Hasil data meningkat pada kadar 25% pada tahun ke tahun (YoY) kepada RM730 million*
- *Penggunaan data meningkat pada kadar 16.1% kepada 7.2GB sebulan pada asas suku tahunan (QoQ)*
- *Hasil prabayar meningkat sebanyak 3.7% pada asas suku tahunan (QoQ)*
- *EBITDA dinormalisasi bertambah pada kadar 9.3% melalui penekanan kepada optimisasi kos*
- *Penglibatan pelanggan yang positif, fokus kepada pengalaman pelanggan – Skor promotor purata transaksi runcit (tNPS) sebanyak 66 mata dan pertumbuhan kukuh dalam perkhidmatan digital*

KUALA LUMPUR, 27 NOVEMBER 2017 – Celcom Axiata Berhad terus membina momentumnya dan menjana hasil perkhidmatan pada asas suku tahunan (QoQ) dan hasil keseluruhan kepada RM1.524 billion dan RM1.655 billion – penanda aras kenaikan masing-masing sebanyak 1.9% dan 2.1%.

Syarikat juga mengekalkan prestasi data keseluruhan pada suku ketiga dengan hasil data bagi tahun ke tahun (YoY) meningkat kira-kira 25% kepada RM730 juta, menyumbang sebanyak 44% kepada hasil keseluruhan syarikat. Penggunaan data meningkat sebanyak 16.1% pada asas suku tahunan (QoQ) kepada 7.2GB, setiap bulan bagi setiap pengguna. Ini telah dilonjakkan oleh peningkatan penggunaan telefon pintar daripada 62% kepada 72% berbanding suku tahun kedua 2017.

Selain itu, Celcom turut mencatat prestasi kukuh bagi prabayar, dengan peningkatan hasil sebanyak 3.7%, dipacu oleh daya tarikan positif daripada data, yang membawa kepada penambahbaikan dalam purata pendapatan bagi setiap pengguna (ARPU) prabayar sebanyak RM2 kepada RM33, bagi suku tahun tersebut.

EBITDA (pendapatan sebelum cukai, faedah, susut nilai dan pelunasan) dinormalisasi berjumlah RM688 juta, iaitu peningkatan sebanyak 9.3% pada asas suku tahunan (QoQ) daripada RM630 million, melalui fokus kepada optimisasi kos. Syarikat juga memperlihatkan PATAMI (Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti) dinormalisasi sebanyak RM309 juta kepada RM331 berbanding suku tahun kedua 2017.

Michael Kuehner, Ketua Pegawai Eksekutif Celcom Axiata Berhad berkata, Celcom terus memperlihatkan tanda-tanda penstabilan melalui konsentrasi kepada langkah-langkah yang diambil oleh syarikat dalam persekitaran yang memberi persaingan begitu intensif.

“Saya amat berbangga dengan pemulihan operasi keseluruhan yang telah berterusan sejak tahun lepas,” menurut beliau.

Michael juga berkata, penambahbaikan dalam pengalaman pelanggan telah begitu ketara dalam suku ketiga ini.

“Kami melaksanakan usaha yang berterusan dalam fokus kami untuk mempertingkatkan pengalaman digital pelanggan, sebagai komitmen kami dalam menyediakan pengalaman yang hebat kepada mereka. Antara usaha yang telah dijalankan ialah mendigitalisasikan perkhidmatan pelanggan, bagi melayani pelanggan dengan lebih baik, dari hujung ke hujung proses. Kami memperkenalkan platform masa nyata untuk maklumbalas pelanggan dan ruang mendengar sosial, dan melalui usaha ini, kami telah menyaksikan pertumbuhan positif dalam capaian dan penglibatan,” menurut beliau.

Selain itu, beliau juga berkata Celcom telah mempergiatkan usaha dalam mepertingkatkan perkhidmatan pelanggan di Sabah dan Sarawak – dengan memperkenalkan perkhidmatan perhubungan internet fiber berkelajuan tinggi, yang dinamakan *Celcom Home Fibre™* & *Celcom Business Fibre™*, dalam menyediakan internet tanpa had dengan kelajuan muat turun 100Mbps.

Michael berkata kemenangan Celcom dalam Anugerah Kepuasan Pelanggan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) baru-baru ini juga membuktikan komitmen syarikat dalam kecemerlangan pengalaman pelanggan

Antara penyumbang yang selari dengan peningkatan prestasi Celcom sebagai penyedia pengalaman video terbaik, adalah pengenalan produk yang lebih ringkas dan telus, penambahbaikan kualiti rangkaian yang berterusan, penambahbaikan dalam saluran pengedaran dan jualannya

“Dalam keseluruhan operasi, kami telah memastikan langkah-langkah optimisasi kos telah dijalankan dalam memandu hasil positif dan memperbaiki keuntungan kami,” kata beliau.

Antara inisiatif yang telah dijalankan sepanjang suku tahun tersebut adalah :

- *Celcom Perkenal Pelan Ansuran Telefon Pintar Pertama bagi Prabayar melalui Easyphone™ for Prepaid” – menawarkan pelbagai jenama telefon bimbit melalui pelan ansuran 24-bulan daripada serendah RM74 sebulan.*
- *Celcom Terus Memacu Media Sosial Dengan ‘Experience Hub’ Baharu – Celcommenambahbaik perkhidmatan pelanggan dengan pusat perkhidmatan bersilang fungsi, yang pertama seumpamanya di Asia, yang menggabungkan pemasaran, jualan, dan aktiviti perkhidmatan melalui saluran media sosial.*
- *Kempen ParentsUnite dan aplikasi KidSafe – kempen keselamatan atas talian dan aplikasi kawalan ibu bapa bagi memastikan keselamatan anak-anak ketika berada di atas talian.*
- *Perkhidmatan e-Bingkisan yang pertama dengan OleOle – cara yang paling cepat dan mudah untuk membeli dan menghantar pemberian hadiah secara digital daripada pelbagai jenama pada bila-bila masa dan di mana sahaja.*
- *Celcom FIRST™ Perkenal Teman Sempurna Anda – pelan pascabayar dengan lebih banyak internet sehingga 100GB serta PERCUMA 100GB Video Walla.*

- *Celcom Game Hero Tawarkan Kereta Baru Kepada Pemenang Hadiah Utama! – Celcom memberikan hadiah tunai kepada Ahmad Fazli Ahmad Rusli daripada jumlah keseluruhan hadiah RM1juta sebagai pemenang utama dalam pertandingan permainan mudah alih terbesar di Malaysia, ‘Celcom Game Hero – Se7en Gear.’*
- *Celcom dan Grab Bekerjasama Untuk Membolehkan Gaya Hidup Digital bagi Pelanggan Mudah Alih – Kerjasama Celcom dengan Grab untuk menyediakan tawaran khas kepada pelanggan*
- *Celcom Membawakan ‘The Major League’ Bagi Pertempuran Epik antara Pasuka Dota 2 Terhebat – Usaha Celcom untuk menggalakkan e-sukan di kalangan peminat permainan video.*
- *Celcom Axiata Menyokong Juara Nasional ke Olimpik 2020 – Celcom mengambil peranan sebagai penaja utama Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dalam membawa pasukan negara ke Olimpik 2020.*
- *Celcom Sediakan Sabah Dengan Internet Fiber Berkelajuan 10 Kali Ganda Fiber Pada Harga Mampu Milik – pelancaran perkhidmatan internet fiber berkelajuan tinggi; Celcom Home Fibre™ & Celcom Business Fibre™ dalam menyediakan internet 10 kali lebih pantas tanpa had dengan kelajuan muat turun 100Mbps.*
- *Xpax Semarakkan Gaya Hidup Digital dengan Pelan Terbaik – pelan prabayar terbaru yang menyediakan sehingga 15GB internet tanpa pembahagian serta PERCUMAMusic Walla dan Video Walla.*

Perancangan Seterusnya

“Fokus kami masih tertumpu kepada pengalaman pelanggan yang hebat. Kami berada dalam sasaran yang tepat dalam menguasai kembali bahagian pasaran. Saya juga optimis dalam kecekapan operasi kami dalam suku tahun berikutnya yang terus menjejaki progres inisiatif yang telah kami ambil. Kami juga pasti akan terus meningkatkan produktiviti dalam bidang fokus utama seperti tenaga kerja, inovasi, teknologi dan proses dalam inisiatif kami berikutnya,” kata beliau lagi.

Untuk maklumat lanjut:

http://axiata.listedcompany.com/misc/Axiata_Presentation_3Q17.pdf

- **Tamat** -